

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN TEO KOK SEONG
KAWASAN : RASAH

SOALAN:

YB. TUAN TEO KOK SEONG (RASAH) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci rancangan dan cadangan pihak Kementerian untuk menyelesaikan kesesakan jalan di sepanjang jalan Sungai Ujong, Seremban.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Projek menaik taraf Jalan Sungai Ujong, Seremban itu ialah sebahagian daripada skop projek membina dan menaik taraf Jalan Lingkaran Tengah Seremban (SMRR). Projek SMRR ini telah dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun 2002 lagi, melibatkan jarak keseluruhan sepanjang 29 kilometer. Pembinaan projek ini dibuat mengikut fasa, iaitu fasa 1, 2 dan 3 dengan kos keseluruhan projek ini dianggarkan melebihi RM1 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop untuk menaik taraf Jalan Sungai Ujong, Seremban termasuk di bawah fasa 3B, iaitu pembinaan jalan baru dari persimpangan Sungai Ujong ke persimpangan Jalan Labu sepanjang 820 meter dan membina 'slip road' sepanjang 1.5 kilometer. Projek dengan anggaran kos sebanyak RM150 juta ini dijangka akan memulakan pembinaan pada bulan Ogos 2015 ini dan siap dalam tempoh 24 bulan kemudian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH]**

SOALAN : 316

Y.B. Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (i) jumlah kos yang terlibat untuk membaiki dan menaik taraf landasan kereta api dari Gemas ke Tumpat; dan
- (ii) bilakah perkhidmatan kereta api dari Gemas ke Tumpat dapat dipulihkan dan langkah untuk membantu penumpang ketika perkhidmatan kereta api Gemas-Tumpat dihentikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Jumlah kos yang terlibat untuk membaiki dan menaiktaraf landasan keretapi dari Gemas ke Tumpat adalah dianggarkan sebanyak RM766 juta. Anggaran ini adalah termasuk kos pemulihan infrastruktur keretapi dan stokereta akibat bencana banjir yang berjumlah RM366 juta.
- (ii) Kerajaan telah menyediakan program pemulihan infrastruktur keretapi dan stokereta bagi sektor Kuala Lipis ke Tumpat yang terjejas akibat banjir untuk membolehkan perkhidmatan keretapi kembali beroperasi. Program pemulihan ini akan mengambil masa antara 12 hingga 24 bulan untuk siap. Keutamaan akan diberikan kepada sektor Kuala Krai ke Kemubu (63.1 km) di mana majoriti penduduknya bergantung kepada perkhidmatan keretapi sebagai pengangkutan utama.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci jumlah menara pencawang YES YTL yang telah didirikan di dalam kawasan sekolah di seluruh negara serta bagaimana Kerajaan memastikan ia tidak menjejaskan kesihatan pelajar.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 31 Julai 2014, sebanyak 2004 1BRIS (1BestariNet *Receiver Integrated System – Base Station*) daripada 2017 1BRIS telah beroperasi dan hanya 13 1BRIS dengan status "*site in progress*" dan "*not yet on-air*". Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memastikan YTL Communications menggunakan *Base Transceiver Station* (BTS) yang berkuasa rendah. Oleh yang demikian, tahap radiasi yang tidak mengionkan didapati sama dengan tahap radiasi latar. Berdasarkan ujian yang telah dilaksanakan dari semasa ke semasa, tahap radiasi tak mengionkan hanya pada tahap 1% daripada standard mandatori piawaian yang dibangunkan oleh Suruhanjaya Antarabangsa Perlindungan Sinaran Tak Mengion (ICNIRP) dan tidak berbahaya kepada kesihatan murid-murid. Di samping itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah melaksanakan pemantauan penguatkuasaan ke atas menara telekomunikasi (1BRIS) bagi Radiasi Tidak Mengion (Radiasi RF) stesen-stesen pemancar yang mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci jumlah pelajar warga asing yang belajar di Malaysia sejak 2008 sehingga 2015 berdasarkan tahun dan negara asal pelajar asing.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan pelajar warga asing di institut pendidikan swasta di peringkat sekolah yang meliputi sekolah swasta, Sekolah Menengah Persendirian Cina, Sekolah Antarabangsa, Sekolah Ekspatriat, pusat bahasa, pusat latihan, pusat perkembangan, pusat tuisyen dan pusat kemahiran adalah berjumlah 26,108 pelajar bagi tahun 2011, 32,588 pelajar bagi tahun 2012, 40,979 pelajar bagi tahun 2013 dan 41,125 pelajar bagi tahun 2014. Lima (5) negara yang mempunyai bilangan pelajar warga asing tertinggi di peringkat sekolah adalah Korea Selatan, India, Britain, Indonesia dan Amerika Syarikat.

Di peringkat pendidikan tinggi pula, sehingga 31 September 2014, bilangan terkini pelajar antarabangsa yang belajar di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) adalah seramai 67,498 orang pelajar. Lima (5) negara yang mempunyai bilangan pelajar tertinggi yang sedang mengikuti pengajian di IPTS ialah Bangladesh, China, Nigeria, Indonesia dan Pakistan. Bagi institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) pula, jumlah pelajar antarabangsa adalah seramai 27,847 orang (Oktober 2014). Jumlah tersebut diwakili oleh pelajar dengan kewarganegaraan *Islamic Republic of Iran*, Indonesia, China, Iraq, dan Yemen.